

05 JAN 2003

Ghani-Projek

BAKI PROJEK MEGA "JB WATERFRONT CITY" DIBATALKAN

JOHOR BAHRU, 5 Jan (Bernama) -- Kerajaan Johor membatalkan pembinaan baki projek mega "JB Waterfront City" (JBWC) yang membabitkan kos keseluruhan bernilai RM6 bilion di kawasan seluas 28 hektar di perairan Selat Johor di sini.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman hari ini berkata pembangunan yang sedia ada menempatkan pusat komersil di JBWC dikekalkan, tetapi baki projek yang dirancang, termasuk pembinaan hotel dan kondominium sepanjang perairan itu sehingga ke Hospital Sultanah Aminah di sini, dibatalkan.

Bagaimanapun, kawasan projek yang terbengkalai seluas lapan hektar di JBWC itu akan dibangunkan semula sebagai pusat komersil yang berkonsepkan mesra rakyat, katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan Hari Raya anjuran Umno Bahagian Johor Baharu di Dewan Jubli Intan di sini.

Katanya, cerucuk besi yang terpacak di perairan itu dan sering mengganggu perjalanan air, juga akan dicabut.

Projek JBWC itu dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Julai 1996 menggunakan konsep pembangunan kota terapung. Ia dimajukan oleh Johor Coastal Development Sdnm Bhd, anak syarikat Pilecon Engineering Bhd.

Abdul Ghani berkata pembatalan itu bertujuan mengimbangi pembinaan projek Gerbang Selatan Bersepadu (GSB), yang kini dalam peringkat pembinaan.

Pembangunan projek GSB dimajukan oleh sebuah syarikat swasta, Gerbang Perdana Sdn Bhd itu akan dibangunkan di kawasan persisiran Tanjung Puteri melibatkan kawasan seluas 38.65 hektar.

Antara pembangunan yang akan terlibat dalam pembangunan GSB ialah pembinaan Kompleks Kastam, Kuarantin dan Imigresen (KIK) yang baru, mendalamkan laluan air di Selat Tebrau dan pembinaan jambatan dan stesen keretapi.

Beliau berharap pembangunan itu dapat merubah landskap bandaraya Johor Baharu yang akan bersambung pula dengan pembangunan di Jalan Wong Ah Fook, yang akan dijadikan laluan pejalan kaki.

-- BERNAMA

BH ZB